




MASA DAN WAKTU

Siang



Malam



5.1.1
5.1.2



- Minta murid bercerita tentang gambar. Terapkan elemen merentas kurikulum (EMK) seperti nilai murni menghargai masa dan menghargai alam sekitar.
- Layari <https://nrch.maths.org/6070>



KENALI WAKTU



Pagi



Tengah hari



Malam



Petang



Ceritakan aktiviti dalam gambar.



UJI DIRI

Sebut aktiviti dan waktunya.



5.1.1
5.1.2



- Bimbing murid bercerita tentang aktiviti mereka yang sesuai pada waktu pagi, tengah hari, petang, malam dan tengah malam.
- Bimbing murid menyebut waktu berdasarkan kad gambar aktiviti.
- Terapkan nilai mengamalkan aktiviti harian secara berjadual.

BA halaman 31 - 33



KENALI JAM DAN MASA

1



Ini muka jam.
Ada nombor
1 hingga 12.

Jarum
jam



Jarum
minit

Jarum pendek ialah jarum jam.
Jarum panjang ialah jarum minit.

2

Jarum minit
bergerak separuh
muka jam.



Setengah
jam

3



Suku jam

Jarum minit bergerak
satu perempat muka jam

Satu perempat jam
juga disebut suku jam.



5.2.1
5.2.2



- Bimbing murid mengenal jarum jam dan jarum minit.
- Kaitkan konsep pecahan setengah, suku, tiga suku untuk membimbing murid memahami konsep setengah jam, suku jam dan tiga suku jam.

4



Jarum minit bergerak tiga perempat muka jam

Tiga perempat jam juga disebut tiga suku jam.

Tiga suku jam



ASAH MINDA



Lihat bahagian putih. Berapa jamkah itu?

a



b



UJI DIRI

Lihat bahagian biru. Nyatakan setengah jam, suku jam atau tiga suku jam.

a



b



c



5.2.2



- Gunakan jam dinding sebenar atau jam mainan untuk aktiviti memahami setengah jam, suku jam dan tiga suku jam.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

BA halaman 34 - 35



SEBUT DAN TULIS WAKTU

1



2



Pukul lima.

Pukul 5



ASA
MINDA



Jarum jam dan jarum
minit berada pada
nombor yang sama.
Pukul berapa?



5.2.3



- Bimbing murid menyebut waktu dengan betul berpandukan model jam.
- Lakukan aktiviti simulasi seperti menggerakkan jarum jam dan jarum minit apabila waktu disebut.
- Layari https://www.superteacherworksheets.com/time/time-5_TZTNN.pdf

3

a

Jarum jam antara nombor 4 dengan 5. Jarum minit tunjuk nombor 6.



Pukul empat setengah.

b



pukul tujuh setengah

Di manakah jarum jam pada pukul lapan setengah?



4

a



Pukul sepuluh suku

b



Pukul tiga suku

c



UJI DIRI

Sebut dan tulis waktu ini.

a



b



5.2.3



- Bimbing murid menyebut dan menulis waktu dalam setengah jam dan suku jam.
- Gunakan jam sebenar supaya murid memahami kedudukan jarum jam dan jarum minit.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

BA halaman 36 - 37



PROJEK SAYA

Celik jam

Langkah

- 1 Sediakan bahan.



Peserta 2 murid satu kumpulan.

Bahan Pinggan polistirena atau pinggan kertas, gam, potongan nombor, jarum jam, jarum minit, paku tekan.

- 2 Lekatkan potongan nombor 1 hingga 12 pada pinggan.



- 3 Pasangkan jarum jam dan jarum minit.



- 4 Soal jawab tentang jam dengan rakan. Contoh:

Tiga suku jam.



5.2.1
5.2.2
5.2.3



- Bimbing murid melakukan aktiviti membuat jam pada waktu Pendidikan Kesenian.
- Sediakan kad soalan.



KENALI HARI, MINGGU DAN BULAN



Ada **7 hari** dalam
satu minggu.
Sebut nama hari.



Hari ini Jumaat.
Semalam, hari Khamis.
Esok, hari Sabtu.
Lusa, hari Ahad.
Hari di antara Isnin dengan Rabu ialah Selasa.

Hari ini Isnin. Semalam hari apa?



ASA MINDA



Hari Ahad hingga Sabtu ialah satu minggu. Jadi, hari Khamis hingga ialah satu minggu juga.

5.1.3



- Bimbing murid menyebut nama hari dalam seminggu mengikut turutan menggunakan kalendar, jadual kelas atau MS Powerpoint.
- Jalankan aktiviti bercerita aktiviti dalam seminggu. Terapkan nilai mumi.
- Layari <https://www.youtube.com/watch?v=Ha9Xe8rn3cY>



Ada **12 bulan** dalam **setahun**.

Bulan 1 ialah **Januari**.

Sebelum bulan **Mei** ialah **April**.

Selepas bulan **September** ialah **Oktober**.

Sebut nama bulan dari Januari hingga Disember.



**ASAH
MINDA**



Saya lahir
pada bulan
Mac 2010.



Saya lahir pada
tahun yang sama,
tetapi lebih tua.

Pada bulan apakah Ai Ling dilahirkan? Bincangkan.

5.1.4



- Bimbing murid menyebut nama bulan dalam setahun mengikut turutan yang betul.
- Bincangkan bulan bagi perayaan di Malaysia, Hari Ibu, Hari Bapa dan sebagainya.
- Jalankan aktiviti mendapatkan bulan kelahiran rakan sekelas.
- Layari <https://www.youtube.com/watch?v=KSdYzSnIck>



UJI DIRI

Lengkapkan jadual.



Ahad



Isnin



Selasa



Rabu



Sabtu



Jumaat



Khamis

Hari	Aktiviti
Ahad	Gotong-royong
	Ulang kaji
	Main dam
	Main bola jaring
	Kempen kitar semula
	Pergi ke perpustakaan
	Lawat rumah anak yatim

5.1.3
5.1.4



- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.
- Pelbagaikan aktiviti seperti teka silang kata untuk mengukuhkan pemahaman murid.
- Layari https://www.superteacherworksheets.com/calendars/months-this-next-last_MONTH.pdf



SELESAIKAN



1 Maya bantu ibu di dapur. Pukul berapakah itu?

Cara Lihat jarum jam dan jarum minit.



Maya bantu ibu pada **pukul sebelas suku**.



2 Jam menunjukkan waktu Suyin baca buku cerita. Bilakah waktu itu?

Cara

Gambar  menunjukkan malam. Jam menunjukkan pukul **9 setengah**.



Suyin baca buku cerita pada **pukul 9 setengah malam**.

5.3.1



- Bimbing murid mencari maklumat seperti apa yang diberikan dan apa yang dicari.
- Tunjukkan pelbagai strategi untuk menyelesaikan masalah seperti membuat simulasi.

3

Hari ini hari Selasa. Nizam belajar Pendidikan Jasmani. Lusa, dia akan belajar sekali lagi. Nyatakan harinya.

Cara



Lusa ialah hari Khamis.



4

Ajay ada ujian selepas bulan September. Pada bulan apakah ujian itu?

Cara

JANUARI 2017	FEBRUARI 2017	MAR 2017	APRIL 2017
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30
MAY 2017	JUN 2017	JULAI 2017	OGOS 2017
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31
SEPTEMBER 2017	OKTOBER 2017	NOVEMBER 2017	DISEMBER 2017
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31

Selepas September ialah Oktober.

Ujian itu pada bulan Oktober.



5.3.1



- Pelbagaikan soalan supaya murid dapat mencapai TP6.
- Layari <http://www.edhelper.com/TimeMath16.htm>



UJI DIRI

Selesaikan.

- 1 Nurul siram pokok bunga pada waktu pagi. Pukul berapakah itu?



- 2 Lihat maklumat di sebelah.

- a Pukul berapakah waktu rawatan?
b Senaraikan semua hari klinik itu dibuka.

Klinik Dr. Wong Waktu rawatan

- Isnin hingga Sabtu.
- 9 pagi hingga 9 malam.
- Tutup Ahad dan cuti umum.

- 3 Hari ini hari Jumaat. Esok, Jeni akan melawat neneknya. Nyatakan harinya.

- 4 Arya mahu beli beg sekolah baharu pada akhir tahun. Nyatakan bulan apa.



5.3.1



- Layari <http://www.math-aids.com/Time/>
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

BA halaman 41 - 42



Masa berharga

Mari bernyanyi.



Pokok kelapa tepi perigi,
Disinari si matahari,
Pukul lapan suku pagi,
Rajin belajar setiap hari.



Ring...ring...ring loceng berbunyi,
Pukul sepuluh setengah pagi,
Senang hati kita bernyanyi,
Wajah ceria berseri-seri.



Masa berharga setiap hari,
Satu tahun 12 bulan,
Satu minggu bersekolah lima hari,
Dapat ilmu, adab dan sopan.



Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu,
Selepas Khamis, hari Jumaat,
Ikut nasihat ayah dan ibu,
Hidup berjaya anak yang taat.



5.1
5.2



- Nyanyi lagu mengikut irama "Rasa Sayang" dan terapkan nilai murni.
- Minta murid tunjukkan waktu yang disebut dalam lagu pada model jam, menyebut hari dalam seminggu dan bulan dalam setahun mengikut turutan.